

Persoalan di sebalik tragedi

BH-21/6/2006

Pihak berkuasa tak boleh sekadar beri amaran kepada pemaju ingkar: PM

KUALA LUMPUR: Tragedi tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Klang yang mengorbankan empat sekeluarga kelmarin, menimbulkan pelbagai persoalan terutama berhubung aspek kelulusan dan pemantauan projek pembangunan di kawasan itu.

Lebih mengejutkan ialah pendedahan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo bahawa pergerakan tanah di tebing Taman Ukay Bestari sudah dikesah sejak setahun lalu tetapi pembinaan tembok hanya disiapkan seminggu lalu dan tidak mengikut spesifikasi.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ahmad Shafii pula berkata, kejadian tanah runtuh itu dikenal pasti berpunca akibat kegagalan air kumbahan daripada Taman Zoo View mengalir dengan sempurna.

Persoalannya, kenapa perkara itu tidak ditangani segera sedangkan ia disedari sejak dua tahun lalu dan semakin buruk tahun lalu sehingga air kumbahan berkenaan bertakung dalam tanah.

Pakar geologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Ibrahim Komoo, mengesahkan tanah di Hulu Klang bersifat granit terluhawa yang mudah peroi dan menyimpan air, menyebabkannya berisiko tinggi untuk tergelincir.

"Selepas kejadian tanah runtuh sebelum ini, sepatutnya kita sudah mengenal pasti kawasan berisiko tinggi dan mengelak sebarang pembangunan di kawasan itu," katanya.

Mengulas kejadian itu di Butterworth semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan segera terhadap pemaju yang mengabaikan peraturan dan dasar berkaitan pembangunan di kawasan tanah tinggi.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa tidak boleh berlekeh-lekeh mengambil tindakan atau sekadar memberi amaran terhadap pemaju yang ingkar.

"Kalau beri amaran saja, mereka nampak tak peduli. Jika sudah melakukan satu kesalahan maka tindakan mesti diambil, kalau tindakan tak diambil orang tak endah dan dia buat sesuka hati.

"Dia (pemaju) kata peduli apa... buat apapun, bukan ada tindakan. Ini akan jadi sikap dia," katanya pada



BERTUNGKUS-LUMUS: Anggota penyelamat semalam meneruskan gerakan mencari mangsa yang hilang dalam tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Klang, kelmarin
● LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 4, 7 DAN 8

“ Kalau beri amaran saja, mereka nampak tak peduli. Jika sudah melakukan kesalahan tindakan mesti diambil”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

“ Perunding projek yang cadangkan reka bentuk tembok tidak ikut spesifikasi dicadang Ikram dan Jawatankuasa Alam Sekitar”

Dr Mohamad Khir Toyo
MB Selangor

FAKTA

Butir projek Taman Ukay Bestari berdasarkan laporan awal MPAJ pada 31 Mei 2006

Pemilik Tanah: Tentuan Daya Tenaga Muda Sdn Bhd

Pemaju: Tentuan Daya Tenaga Muda Sdn Bhd

Keluasan: 8.9 hektar, Mukim Hulu Klang, daerah Gombak

Jururancang Bandar: JTC Planners

Jurutera Awam: Dr Yg Tan Sdn Bhd

Jurutera Geoteknik: Dr Yg Tan Sdn Bhd

Tarikh kelulusan Pegawai Daerah: 8 Ogos 2003

Tarikh kelulusan kerja tanah: 30 Ogos 2003

Tarikh kelulusan infrastruktur (dengan syarat): 24 Disember 2003

'JKR tak boleh ambil mudah'

DARI MUKA 1

sidang akhbar selepas merasmikan Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2006 di Tapak Ekspo Seberang Jaya.

Beliau juga menegaskan mengenai pentingnya pemeriksaan awal dibuat untuk mengesan sebarang perubahan di kawasan tanah tinggi kerana hujan terlalu lebat mungkin menyebabkan berlaku tanah runtuh.

"Jangan runtuh baru ambil sesuatu tindakan. Jabatan Kerja Raya (JKR) terutama sekali mesti memberi penekanan ini. Apabila hujan beberapa hari, jurutera mesti membuat pemeriksaan. Kalau bangunan

nak dibina di kawasan tinggi, mesti pastikan pemaju tidak memotong banyak pokok. Ini adalah keputusan dulu dan dah lama.

"Kalau tarah sana sini di lereng bukit dan tebing bukit, maka tanah mendap boleh terjadi. Maka dengan itu pelan oleh mana-mana pemaju yang dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan keputusan perlu dikaji dengan rapi terutama jika pelan itu membabitkan pembangunan di kawasan tanah tinggi," katanya.

Abdullah berkata, tragedi di Hulu Klang bukan kali pertama dan boleh berlaku lagi sekiranya kejadian yang berlaku dulu tidak dijadikan pengajaran.